AUTHOR: No author available SECTION: TEMPATAN PAGE: 5 PRINTED SIZE: 349.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 2,077.00 ITEM ID: MY0056217676



30 OCT, 2023

Kerajaan perhebat Program SMART ala sekinchan

Utusan Sarawak, Malaysia

Kerajaan perhebat Program SMART SBB Ala Sekinchan



DATUK Seri Mohamad Sabu menunjukkan buah padi pada Program Santai Agro MADANI Penuaian SMART SBB Ala Sekinchan Iada Ketara-Bernas 2023 di Kampung Gerai, semalam. • Foto BERNAMA

JERTIH: Kerajaan sedang memperhebatkan lagi Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata ia bagi menampung keperluan beras tempatan terutama bagi negeri yang terjejas dengan musim tengkujuh.

"Sekarang ini pengeluaran padi di Sabah dan Sarawak pun masih di paras rendah untuk mencukupkan keperluan bagi penduduk mereka.

"Tetapi kita yakin dalam jangka masa panjang kedua-dua negeri tersebut boleh menjadi negeri jelapang padi, bukan sahaja pengeluarannya cukup untuk penduduk dalam negeri tetapi dapat juga mereka bekalkan beras ke negeri-negeri lain nanti," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan Program Santai Agro MADANI Penuaian Program SMART SBB Ala Sekinchan di Dewan Terbuka Kampung Gerai di sini semalam.

Beliau berkata selain Sabah dan Sarawak, kementeriannya juga menerima kerjasama baik daripada kerajaan negeri lain seperti Pahang dan Johor, bagi menjalankan program itu yang menerapkan amalan penanaman padi secara bersepadu menggunakan teknologi moden untuk meningkatkan kuantiti dan kualiti hasil.

Mohamad berkata, SMART SBB Ala Sekinchan yang diperkenalkan akhir tahun 2021 sedang dilaksanakan di seluruh negara melibatkan hampir 10,000 pesawah dengan keluasan lebih 26,000 hektar.

Dalam pada itu beliau berkata, kerajaan akan meneliti semula jadual penanaman padi terutama di negeri Pantai Timur bagi membolehkan padi dituai sebelum musim tengkujuh.

Hal itu katanya bagi mengurangkan kerugian ditanggung petani yang mempunyai sawah di kawasan berisiko banjir. - Bernama

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: No author available SECTION: TEMPATAN PAGE: 5 PRINTED SIZE: 349.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 2,077.00 ITEM ID: MY0056217676



30 OCT, 2023

Kerajaan perhebat Program SMART ala sekinchan

Utusan Sarawak, Malaysia

SUMMARIES

JERTIH: Kerajaan sedang memperhebatkan lagi Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata ia bagi menampung keperluan beras tempatan terutama bagi negeri yang terjejas dengan musim tengkujuh."Sekarang ini pengeluaran padi di Sabah dan Sarawak pun masih di paras rendah untuk mencukupkan keperluan bagi penduduk mereka.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.